

KERTAS MODEL CAKNA PT3

KERTAS 1 - SET 2

Arahan: Jawab semua soalan dalam Bahagian A dan Bahagian B serta satu soalan daripada Bahagian C.

BAHAGIAN A

[20 markah]

[Masa dicadangkan: 30 minit]

Soalan 1 – 4

Lengkapkan ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- Tindakan _____ akan dikenakan kepada penjawat awam yang mengamalkan rasuah semasa melaksanakan tugas.
 A tatacara
 B tatatertib
 C tatalaku
 D tatususila
- Kecederaan pada kaki mangsa kebakaran itu _____ sembuh walaupun sudah berbulan-bulan dirawat di hospital.
 A baru akan
 B akan mula
 C sudah pernah
 D masih belum
- Pemandangan di tepi pantai sangat menarik terutamanya pada waktu petang apabila menyaksikan pohon kelapa _____ ditiup angin.
 A terbuai-buai
 B terkulai-kulai
 C terayun-ayun
 D terliuk-liuk
- Para penyokong pasukan bola sepak Pahang sangat kecewa kerana pasukan kesayangan mereka gagal mara ke pertandingan Akhir Piala Malaysia 2019 setelah kekalahan _____ kepada pasukan bola sepak negeri Kedah.
 A tipis
 B besar
 C genting
 D getir

Soalan 5 – 6

Ayat-ayat di bawah ini mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditanda dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D. Pilih jawapan yang paling sesuai.

- Ariff suka makan keropok lekor goreng panas-panas yang dicecah dengan cili sos sebagai kudapan pada waktu petang bersama-sama keluarganya. Tiada kesalahan.
 A B C D
- Peniaga makanan di premis tersebut diarahkan agar memastikan semua makanan yang dijual kepada orang ramai adalah bersih daripada kekotoran. Tiada kesalahan.
 A B C D

Soalan 7 – 8

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

7. I Daiyah memanaskan makanan yang dimasak oleh ibunya pagi tadi di dalam ketuhar.
 II Persengketaan dua orang sahabat baik itu dikatakan berpunca daripada fitnah yang disebarkan oleh orang sekeliling sehingga *menghangatkan* keadaan.
 III Konsert artis luar negara itu mendapat sambutan yang *menghangatkan* sehingga tiket atas talian habis dijual dalam masa seminggu.
 IV Kedai menjual makanan tradisional Sarawak itu mendapat sambutan *menghangatkan* daripada orang ramai.

A I dan II

C I, II dan III sahaja

B II dan III

D II, III dan IV sahaja

8. I Kesan tembakan itu meninggalkan *parut* pada wajah Jebat.
 II Penderaan fizikal yang dialaminya semasa kecil telah meninggalkan *parut* yang besar dalam hidupnya.
 III Ada banyak *parut* pada tangan adik kerana digigit nyamuk ketika berkhemah di hutan dua hari yang lalu.
 IV Kecederaan yang dialami oleh mangsa kemalangan itu semakin *parut* kerana mereka tidak mengenakan tali pinggang keledar.

A I dan II

C I, II dan III sahaja

B II dan IV sahaja

D II, III dan IV sahaja

Soalan 9 – 10

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat yang berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan bahasa dan tandakan D jika tiada kesalahan.

9. Ibu menghidangkan ayah kopi panas sebaik sahaja ayah pulang dari masjid.

A menghidang ayah

C menghidangi ayah

B dihidangi ayah

D menghidangkan ayah

10. Pengat pisang yang enak itu saya akan makan panas-panas sebentar lagi.

A akan dimakan oleh saya

C akan saya makan

B saya akan memakan

D saya akan makan

Soalan 11 – 12*Pilih ayat-ayat yang betul.*

11. I Kakak memiliki hobi mengumpul koleksi setem-setem lama.
 II Kebanyakan kanak-kanak suka menikmati makanan segera.
 III Buku teks Bahasa Melayu adik dijumpai di bawah timbunan kain-kain yang masih belum berlipat.
 IV Ada banyak sarang anai-anai di bawah rumah nenek di kampung.
- A I dan II
 B II dan IV
 C I, II dan III sahaja
 D II, III dan IV sahaja
12. I Sungguhpun murid-murid itu tinggal di kawasan pendalaman, namun tidak bermakna pengetahuan mereka berkaitan isu semasa cetek.
 II Murid prasekolah itu diajarkan cara untuk membezakan antara huruf besar dengan huruf kecil.
 III Walaupun dia bukan sangat kaya, tetapi dia tidak lokek menderma.
 IV Keadaan di kampung itu sangat sunyi sekali selepas jam 10.00 malam.
- A I dan II
 B II dan III
 C I, II dan III sahaja
 D II, III dan IV sahaja

Soalan 13*Pilih peribahasa yang paling sesuai.*

13. Peribahasa berikut membawa maksud orang yang melakukan kejahatan dalam diam kecuali ...
- A seperti musuh dalam selimut
 B bagai gunting dalam lipatan
 C ibarat api dalam sekam
 D umpama telur di hujung tanduk